

Headline	Usaha capai keuntungan dunia, akhirat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	6	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	213 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,210
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,629



# Usaha capai keuntungan dunia, akhirat

SHAH ALAM 13 Dis. - Umat Islam digalakkan menjadikan perniagaan sebagai sumber rezeki yang berterusan bukan sahaja untuk keuntungan dunia malah sehingga ke akhirat.

Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr. Zaharuddin Abdul Rahman berkata, sesuatu perniagaan tidak harus dilakukan demi kepentingan kewangan yang bersifat fizikal semata-mata tanpa ada unsur rohaniah di dalamnya.

“Allah SWT mencipta manusia daripada tanah (bumi) dan menjadikan manusia pemakmurnya, maka manusia dianjurkan memakmurkan bumi

ini dengan membangunkan tanah menjadi aset-aset (hartanah) menguntungkan.

“Bagaimana manusia memakmurkan tanah menjadi suatu perniagaan atau sebaliknya bergantung kepada cara mereka membangunkannya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah bertajuk ‘*Kepentingan Perniagaan Dalam Perspektif Islam*’ pada Seminar Jihad Bisnes di Pusat Islam, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, di sini hari ini.

Seminar itu anjuran Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. (UP&D) dengan kerjasama Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam Universiti Teknologi Mara (CITU).

Zaharuddin berkata, Nabi Muhammad SAW memberi petunjuk bahawa usaha menghidupkan tanah yang ‘mati’ iaitu tanah di padang pasir yang kosong akan menjadikan orang yang mengusahakan tanah tersebut sebagai pemilik tanah tersebut.

Jelasnya, usaha menghidupkan tanah bermaksud, manusia bukan sahaja perlu membangunkan tanah dengan tanam-tanaman mahupun mendirikan aset yang mampu menjana keuntungan malahan perlu juga memelihara bumi ini daripada kerosakan.

“Jika tanah yang mempunyai pokok-pokok balak ditebang namun tiada apa-apa usaha menguntungkan selepas itu dilakukan di tanah yang sama maka ia tidak wajar dibenarkan.

“Suatu hartanah yang diusahakan dan menguntungkan, perlu dijadikan pelaburan untuk mendapat keuntungan yang lebih baik dan bukan yang tidak mendatangkan pulangan,” jelasnya.



**DR. ZAHARUDDIN**

Headline	Usaha capai keuntungan dunia, akhirat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	6	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	213 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,210
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,629

